

n Liputan: Cherating, Beserah, Kg Balok, Semambu, Indera Mahkota, Sg Lembing, Panching, Tanjung Lumpur, Peramu, Cenderawasih, Kempasong, Galing, Jaya Gading, Pematang Badak, Sg Isap, Penor, Sg Karang, Bukit Goh, Kg Paya Bunga, Lepai, Sg Sai dan Bkt Sagu hubungi Skwad Cakna kami untuk mengaktifkan komuniti anda.

Pasdec lancar Bandar Putra

Bandar bernilai RM850 juta itu mempunyai 3,300 unit rumah kediaman dan komersial bakal dimajukan dalam tempoh 10 tahun sebagai sebuah perbandaran baru.

■ ZULKHAIRI ZAINUDDIN

KUANTAN - Kumpulan Pasdec Holding Berhad (Pasdec) melalui anak syarikatnya iaitu Pasdec Putra Sdn. Bhd, melancarkan 'Bandar Putra' yang bernilai RM850 juta dengan 3,300 unit rumah kediaman dan komersial bakal dimajukan dalam tempoh 10 tahun sebagai sebuah perbandaran baru di daerah ini.

Pelancaran tersebut dirasmikan oleh Timbalan Pengerusi Pasdec, Datuk Abdul Ghani Suliman yang mewakili Pengerusi Pasdec, Datuk Seri Adnan Yusoff di Tanjung Lumpur semalam.

Pengarah Urusan Kumpulan Pasdec, Yusof Ali

Mohamed Zain berkata, Bandar Putra merupakan projek pembangunan bersepadu di atas tanah yang amat strategik dengan Hak milik Pegangan Bebas seluas 927 ekar di Tanjung Lumpur dengan jarak hanya 10 minit dari Bandar Kuantan.

Menurut Yusof Ali, Sebagai perbandaran berprestij, Bandar Putra menampilkan ciri-ciri pembangunan yang menarik menggabungkan elemen gaya hidup, reka bentuk berkecuali, keselamatan dan nilai kehidupan, menjadikannya tunda aras pembangunan bersepadu dan eksklusif di Kuantan.

"Fasa pertama projek ini mengandungi 69 unit rumah teras kos sederhana setingkat dan dua tingkat berharga RM144,888 ke atas dan 32 unit rumah berkembar setingkat dan dua tingkat dengan harga jualan dari RM245,888 ke atas telah dibuka untuk jualan bermula 11 Januari lalu dan sehingga kini lebih 60 peratus daripadanya telah pun dijual," katanya.



Yusof Ali (dua kiri) menunjukkan model projek perumahan Bandar Putra kepada Abdul Ghani (kiri) pada majlis pelancaran projek tersebut di Tanjung Lumpur semalam.

Tambah Yusof Ali lagi, Penjualan rumah kesederhana rendah berjumlah 209 unit yang dikendalikan oleh Pejabat Unit Perumahan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (SUK) untuk mereka berpendapatan rendah yang dijual pada harga RM43,888 telah 90 peratus dijual.

Selain itu Yusof Ali juga menjelaskan, Bandar Putra juga turut meletakkan elemen keselamatan sebagai salah satu ciri utamanya di mana sebahagian rumah-rumah yang ditawarkan

di Bandar Putra bakal dilengkapi dengan infrastruktur kawesa larat tertutup (CCTV) untuk tujuan keselamatan dan pintu pagar automatik.

"Pembeli juga bakal menikmati kemudahan wi-fi yang disediakan untuk komuniti di Bandar ini kelak, di samping pusat komuniti dan rekreasi, landskap tropika ala-zen serta kemudahan-kemudahan lain yang serba lengkap," katanya.

Menurut beliau, di Bandar Putra produk-produk yang ter-

dari daripada rumah sesebuah, rumah berkembar dan rumah vertis akan ditawarkan dengan lebih 38 reka bentuk yang menarik dan inovatif di samping pusat komersial.

"Dengan lokasinya yang ideal, ciri-ciri pembangunan dan reka bentuk yang menarik serta kedudukannya yang strategik, Pasdec yakin, Bandar Putra akan mendapat permintaan yang tinggi serta pilihan yang tepat untuk pembeli-pembeli dan pelabur-pelabur hartanah," katanya semalam.